

Headline	Felda Jencka 21 terima van jenazah sumbangan TNB		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	21 Aug 2016	Language	Malay
Circulation	20,000	Readership	60,000
Section	NEWS	Page No	39
ArticleSize	124 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,606		



## Felda Jencka 21 terima van jenazah sumbangan TNB

KUANTAN - Selepas lebih 10 tahun menggunakan van jenazah usang, peneroka di Felda Jencka 21 kini boleh menarik nafas lega apabila menerima van baharu bernilai RM127,000 daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Rancangan (JKKKR), Abdul Aziz Bakar berkata, sumbangan itu amat bermakna kepada kira-kira 2,000 peneroka di situ.

Menurutnya, beliau sendiri tidak menjangka permintaan mereka untuk mendapatkan sumbangan van

pada April lalu menerima respons positif dalam tempoh singkat.

"Kita bersyukur dan gembira dengan keprihatinan TNB dan kerajaan negeri. Van sebelum ini pun dah lama kerana ia van terpakai, sering rosak dan terpaksa ditolak bila nak hidupkan enjin," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis penyerahan kunci van yang disampaikan oleh Pengurus Besar TNB Pahang, Datuk Ir Sharuddin Mohd Simin sambil disaksikan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob di Kompleks Yayasan Pahang (YP), di sini.



Abdul Aziz (tengah) menerima replika kunci van yang disampaikan oleh Shahrudin sambil diperhatikan oleh Adnan (kiri) kelmarin.